

**Kolej Kediaman  
Luar UMS Jalin  
Kerjasama  
Dengan  
Persatuan Tzu  
Chi Malaysia  
Bagi Program  
Serahan Bantuan  
Kebajikan 2021**

**UB 11.06.2021 P. 06**

**KOTA KINABALU:** Kolej Kediaman Luar UMS dengan kerjasama Persatuan Tzu Chi, Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Program Serahan Bantuan Kebajikan (Makanan Kering) kepada pelajar Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher dan Kolej Kediaman 1 Borneo, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

Pengetua Kolej Kediaman, Wijaya Kamal Ramlan, bantuan ini adalah siri kedua bantuan yang disumbangkan oleh Pihak Tzu Chi Malaysia, Cawangan Kota Kinabalu di mana kali pertama ia diserahkan pada tahun 2020 lepas.

Sumbangan makanan ini terdiri daripada pelbagai jenis makanan antaranya termasuklah beras, telur, biskut, minuman 3 in 1 dan lain-lain lagi.

Wakil Persatuan Tzu Chi Malaysia, Cawangan Kota Kinabalu, Aw Kee Kong, sumbangan ini adalah sebahagian daripada usaha pihak Tzu Chi membantu bukan sahaja kepada masyarakat awam tetapi juga mahasiswa yang berada di universiti pada ketika ini.

Semoga dengan bantuan ini akan dapat membantu semua mahasiswa menjalani kehidupan sehari-hari dengan lebih baik setiap hari.